

*Logo Sekolah*

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**TINGKATAN 5**

**TAHUN 2023**

**PERNIAGAAN**

**Kertas 1**

**November**

**1 ¼ jam**

**3766/1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1. Apakah tujuan perniagaan?
  - A Meningkatkan taraf hidup masyarakat
  - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
  - C Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
  - D Memastikan perniagaan dapat beroperasi lebih lama
2. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan.

- Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- Tidak bebas pindah milik syer
- Liabiliti terhad

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Syarikat Sendirian Berhad
  - B Syarikat Awam Berhad
  - C Milikan Tunggal
  - D Koperasi
3. **Rajah 1** menunjukkan perubahan jenis pemilikan perniagaan.



**Rajah 1**

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A. Membolehkan ahli menanggung liabiliti terhad
  - B. Memudahkan pertukaran ahli lembaga pengarah
  - C. Menggalakkan pengumpulan modal yang lebih besar
  - D. Membenarkan kawalan ahli ke atas perjalanan syarikat
4. Aktiviti manakah yang terlibat dalam sektor primer?
- A. Syahir menjual ketam
  - B. Haris menternak udang dalam kolam
  - C. Amra memproses ikan dijadikan keropok
  - D. Lamin menghantar sayar-sayuran ke pasar

5. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Puan Aini merupakan pengusaha kerepek di Parit Raja, Batu Pahat. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 30 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM500 000.

Apakah saiz dan sektor perniagaan tersebut?

	<b>Saiz</b>	<b>Sektor</b>
A	Kecil	Utama
B	Kecil	Kedua
C	Sederhana	Utama
D	Sederhana	Kedua

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kerepek Vida Rangup.

Perniagaan Kerepek Vida Rangup dimiliki oleh seorang pengusaha kilang kerepek di Parit Raja, Batu Pahat iaitu Encik Amar. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek seperti kerepek pisang dan kerepek ubi yang diedarkan melalui para pemborong di seluruh Malaysia. Beliau menggaji seramai 80 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada puratanya hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM 15 juta.

Saiz, sakala dan sektor perniagaan Kerepek Vida Rangup ialah

	Saiz	Skala	Sektor
A	kecil	tempatan	tertier
B	sederhana	kebangsaan	sekunder
C	sederhana	negeri	primer
D	besar	kebangsaan	sekunder

7. Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan.



**Gambar 1**

Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut kepada peniaga?

- I. Memberi pelepasan cukai
  - II. Memberi Latihan dan seminar
  - III. Menyediakan kemudahan infrastruktur
  - IV. Menyediakan pusat perniagaan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

8. Berikut adalah perbualan antara 2 orang pekerja.

Jamal :	Bagaimakah perniagaan awak, Raj?
Raj :	Kuantiti yang dijual setiap hari semakin berkurang.
Jamal :	Saya telah pun menurunkan harga jualan di kedai saya. Namun orang ramai tetap tidak berminat untuk berbelanja. Mereka lebih suka menabung wang mereka.
Raj :	Kalau kaedaan ini berterusan, terpaksalah saya menutup sahaja perniagaan ini.

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka?

- A. Mengurangkan kadar faedah yang diberikan oleh bank
- B. Meningkatkan kadar faedah yang dikenakan oleh bank
- C. Menggalakkan perniagaan yang memberikan tumpuan pada sektor pembuatan
- D. Mengurangkan pengguna tenaga pekerja asing dalam negara kita, baik dalam Sektor.

9. **Rajah 2** menunjukkan keadaan trend persekitaran sebuah perniagaan.



**Rajah 2**

Apakah faktor luaran yang menyebabkan keadaan demikian berlaku?

- A. Pekerja kurang bermotivasi
- B. Strategi pemasaran yang kurang berkesan
- C. Kos pengeluaran semakin meningkat
- D. Keadaan ekonomi semakin lembab

10. Maklumat berikut merupakan kesan keadaan ekonomi yang berlaku pada tahun 2020 disebabkan isu COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

- Aktiviti perniagaan terbantut
- Penduduk kehilangan pekerjaan
- Kuasa penduduk menurun

Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan keadaan tersebut?

- I. Menggalakkan orang ramai berbelanja lebih wang
  - II. Memberikan khidmat perundangan agar dapat mendidik pengguna
  - III. Mengurangkan kadar cukai supaya dapat meningkatkan pendapatan boleh guna
  - IV. Meningkatkan kadar faedah supaya menggalakkan masyarakat menyimpan wang
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

11. Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

Encik Sami telah membuka sebuah perniagaan menjual masakan tradisional kampung seperti asam pedas, gulai lemak cili api dan sebagainya. Beliau mempunyai beberapa pekerja yang rajin, mahir dalam pengurusan, dan kreatif mempersembahkan hidangan. Cita rasa rakyat Malaysia yang sememangnya gemar makanan tradisional Melayu turut menyumbang kepada perkembangan perniagaannya.

Apakah faktor dalaman dan luaran yang membawa perubahan persekitaran perniagaan bagi situasi tersebut.

	Faktor dalaman	Faktor luaran
A	Pemasaran	Sosiobudaya
B	Pengurusan	Ekonomi
C	Sumber manusia	Sosiobudaya
D	Sumber manusia	Undang-undang

12. Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah organisasi perniagaan.

**M** ialah

- Merupakan penetapan perancangan melibatkan fokus dan perancangan jangka masa panjang
- Tindakan bagi memastikan hala tuju perniagaan berada di landasan yang tepat

Apakah M?

- A. Visi
- B. Misi
- C. Objektif
- D. Hala tuju

13. **Gambar 2** merupakan sebuah bangunan sebuah organisasi perniagaan.




**Gambar 2**

Apakah matlamat organisasi tersebut?

- A. Memuaskan kehendak pemilik perniagaan
  - B. Bermatlamat memaksimumkan keuntungan
  - C. Berorientasikan kebajikan dan memberi perkhidmatan
  - D. Menghasilkan produk bagi memenuhi citarasa pengguna
14. Antara yang berikut, manakah menunjukkan sebab setiap organisasi perlu menetapkan visi?

- I Memudahkan kefahaman semua pihak untuk mencapai sasaran
  - II Memudahkan pihak pengurusan untuk mengagihkan setiap sumber
  - III Mendorong semua pihak dalam organisasi bekerjasama mencapai sasaran
  - IV Menterjemahkan melalui tindakan berdasarkan tanggungjawab dan peranan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

15. **Rajah 3** berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.



**Rajah 3**

Apakah X?

- A. Kewangan
- B. Sosiobudaya
- C. Sumber Manusia
- D. Titik Pulang Modal

16. Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan fungsian pentadbiran?

- A Menambahbaik produk sedia ada
- B Mengawal pembelian dan bahan mentah
- C Menjalankan proses sokongan supaya perniagaan berjalan lancar
- D Membantu melancarkan perniagaan melalui staf yang berpengalaman

17. Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan Pusat Tuisyen Anis.



Antara yang berikut manakah bahagian fungsian yang perlu diwujudkan bagi perniagaan tersebut?

- I Jualan
- II Pembelian
- III Kewangan
- IV Pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Maklumat berikut berkaitan tentang suatu bahagian fungsian.

- Menyediakan kontrak untuk membekalkan barang yang diperlukan
- Memastikan syarikat membayar pada jumlah yang berpatutan

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pembelian
- B Pemasaran
- C Pentadbiran
- D Pengeluaran

19. **Gambar 3** berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat dalam fungsian sesebuah organisasi.



**Gambar 3**

Apakah kaedah aplikasi tersebut ?

- A e-dagang  
B e-banking  
C e-pemasaran  
D e-government
20. Maklumat berikut berkaitan dengan proses komunikasi

-Proses menterjemahkan mesej yang dihantar oleh penghantar  
-Mesej diterjemahkan mengikut kefahaman penerima

- A Maklum balas  
B Gangguan  
C Enkod  
D Dekod
21. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian

-Usaha pembangunan tenaga kerja dalam organisasi  
-Menarik dan mengekalkan tenaga pekerja

- Apakah bahagian fungsian tersebut?
- A Pembelian  
B Pentadbiran  
C Pengurusan Sumber Manusia  
D Penyelidikan dan Pembangunan
22. Maklumat berikut berkaitan peranan pengurusan sumber manusia.

- Menggalakkan pembangunan bakat pekerja
- Menyediakan pembiayaan untuk pekerja menambah pengetahuan

- Apakah peranan tersebut?
- A. Prestasi Pasukan  
B. Latihan peningkatan kemahiran  
C. Menggalakkan kreativiti dan inovasi  
D. Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni

23. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkerjaan.

Encik Aqil diterima bekerja sebagai jurulatih sukan di Kelab Sukan Remaja setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dari sebuah universiti tempatan

Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh beliau?

- A Berpengalaman
- B Kelayakan yang bersesuaian
- C Berpengalaman dalam industri tertentu
- D Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan

24. Maklumat berikut berkaitan sumber fizikal

Penyelenggaraan kilang dan mesin amat penting dan perlu dilakukan secara berkala.

Apakah kepentingan yang diperoleh daripada aktiviti tersebut?

- A Menjamin kelancaran sesbuah perniagaan
- B Memastikan pengeluaran perniagaan yang efektif
- C Mempercepatkan dan memudahkan urusan perniagaan
- D Memastikan stok sentiasa sedia ada apabila dikehendaki

25. Pernyataan berikut berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi.

Encik Hakimi telah membeli perisian Microsoft yang tulen untuk memudahkan urusan perniagaannya.

Apakah kesan jika Encik Hakimi tidak bertindak demikian?

- A Prestasi perniagaan akan merosot
- B Perniagaan akan dikenakan saman
- C Pembaziran tenaga kerja akan berlaku
- D Produktiviti perniagaan akan menurun

26. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

-Usahawan boleh menggunakan mesin dengan cara menyewanya  
-Bank mempunyai hak milik terhadap mesin

Apakah sumber pembiayaan yang dimaksudkan?

- A Modal permulaan
- B Sewa beli
- C Overdraf
- D Pajakan

27. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Puan Hidayah ingin memulakan perniagaan menjual kuih di sekitar kawasan perumahannya. Beliau telah menggadaikan barang kemas miliknya di bank bagi mendapatkan pinjaman segera dan bercadang untuk menjelaskan hutang barang kemas tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.

Apakah kesan jika Puan Hidayah gagal berbuat demikian?

- A Harta peribadinya akan dirampas
- B Barang cagaran akan menjadi hak milik Ar-Rahnu
- C Hak milik barang kemas tetap akan berpindah kepadanya
- D Bank saudagar akan membantu sebagai penanggung jaminan

28. Antara yang berikut, manakah merupakan kelebihan memperoleh jentera melalui skim pajakan.

- I Dapat memperoleh pendapatan
- II Dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
- III Dibaiki oleh penyewa apabila jentera rosak
- IV Dapat guna jentera tanpa keluar modal

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

29. Maklumat berkaitan dengan analisis penyata kewangan

Encik Elias merupakan pemilik sebuah kedai komputer. Sebagai pemilik kedai, beliau memastikan pengurusan kewangan perniagaan iaitu penyata pendapatan diurus dengan baik dan sistematik.

Apakah kegunaan penyata pendapatan kepada beliau?

- A. Mengetahui aset dalam perniagaan
- B. Mengetahui tanggungan perniagaan
- C. Mengetahui ekuiti pemilik perniagaan
- D. Mengetahui lebihan dalam perniagaan

30. Situasi manakah yang menunjukkan analisis titik pulang modal (TPM) penting kepada sesebuah perniagaan?

- A. Puan Mariam boleh menjamin keberuntungan perniagaan
- B. Puan Zarina dapat mengetahui produknya disukai ramai
- C. Encik Ali dapat memastikan sesebuah perniagaan itu berdaya saing
- D. Encik Rahman boleh merancang pengeluaran bagi memperoleh sasaran untung

31. Maklumat berikut berkaitan dengan analisis nisbah kecekapan bagi Kedai Pakaian Cute.

Jenis Nisbah	2020	2021
Pusing ganti stok	5 kali	3 kali

Jadual

Antara berikut, penyataan manakah yang betul?

- I. Kos penyimpanan pakaian tahun 2021 lebih tinggi
  - II. Kadar pulangan keuntungan tahun 2020 lebih cepat
  - III. Perbelanjaan bahan mentah tahun 2021 lebih banyak
  - IV. Stok niaga tahun 2020 berganti lebih pantas
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

32. Apakah kekuatan diri yang perlu ada pada seseorang yang menjadi usahawan?

- A. Personaliti diri yang menarik
- B. Menyelesaikan masalah yang penting dahulu
- C. Kemahiran pembangunan karakter diri
- D. Berkeupayaan untuk mencapai kejayaan

33. Antara yang berikut, manakah ciri pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai.

- I. Dekat dengan pembekal
  - II. Jauh dari kawasan bandar
  - III. Wujud persaingan yang sihat
  - IV. Kemudahan infrastruktur yang lengkap
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV


34. Manakah yang menunjukkan keberuntungan perniagaan kepada seorang usahawan?

- A. Mengurangkan masalah pengangguran
- B. Mempelbagaikan produk niaga
- C. Menjalankan tanggungjawab sosial
- D. Mengurangkan pergantungan barang import

35. Manakah yang menerangkan tentang Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A. Melibatkan peraturan perkongsian yang fleksibel
- B. Pemegang syer dan bilangan pengarah sekurang-kurangnya seorang
- C. Mewajibkan pendaftaran aktiviti perniagaan bertujuan mendapat keuntungan
- D. Fleksibel untuk usahawan dan pelabur memilih model perniagaan terbaik

36. **Rajah 4** menunjukkan prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal.



**Rajah 4**

Pernyataan yang manakah benar tentang **Q**?

- A. Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A)
- B. Melengkapkan carian nama perniagaan
- C. Melengkapkan borang kelulusan nama
- D. Menyerahkan bayaran pendaftaran perniagaan

37. Antara berikut, manakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan.

- I. Menyediakan papan tanda perniagaan
  - II. Mempamerkan sijil perniagaan
  - III. Membuat salinan photostart lesen perniagaan
  - IV. Menyimpan sijil pendaftaran perniagaan
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

38. Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga Butik Sri Pakaian Mewah.

Sepasang baju batik sutera bernilai RM250 tidak dicatat di dalam  
invois yang diberi kepada Puan Wahida.

Apakah dokumen susulan yang perlu dihantar oleh Butik tersebut?

- A. Bil tunai
- B. Nota kredit
- C. Penyata Akaun
- D. Baucer bayaran

39. Manakah persamaan antara pemasaran dan jualan?

- A. Mengagihkan barang kepada pengguna
- B. Membekalkan barang kepada pengguna
- C. Menjana keuntungan perniagaan
- D. Memenuhi keperluan pengguna

40. Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?

- A. Mencari pekerjaan yang baharu
- B. Memberi panduan untuk pinjaman
- C. Merancang keperluan sumber perniagaan
- D. Membuat pelaburan untuk perniagaan

### **KERTAS SOALAN TAMAT**

